



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983)

DR.03/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) 1984. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada lapan juta satu ratus tujuh puluh ribu ringgit (\$8,170,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1982, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1982, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1983 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1982) 1983. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1982.

Akta A526.

Akta A537.

Akta A545.

Akta A559.
- (2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

2 RANG UNDANG-UNDANG

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1983.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada dua ribu tujuh ratus tiga puluh lima juta tiga ratus tujuh puluh satu ribu lima ratus enam puluh dua ringgit (\$2,735,371,562) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1983, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1983 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan 1983.

Akta A544.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 31 ...	Kementerian Luar Negeri ...	\$8,170,000
JUMLAH ...		\$8,170,000

JADUAL KEDUA

(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 1 ...	Parlimen ...	\$ 956,300
B. 2 ...	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja ...	670,631
B. 7 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	316,880
B. 21 ...	Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ...	6,034,669
B. 27 ...	Kementerian Pelajaran ...	14,600,000
B. 28 ...	Kementerian Luar Negeri ...	23,879,720
B. 30 ...	Perkhidmatan Am Perben- daharaan ...	272,649,400
B. 31 ...	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun ...	2,350,000,000
B. 36 ...	Kementerian Dalam Negeri ...	3,909,207
B. 37 ...	Polis Di Raja Malaysia ...	34,950,000
B. 40 ...	Jabatan Pendaftaran Negara ...	2,613,000
B. 45 ...	Kementerian Penerangan ...	1,107,000
B. 46 ...	Jabatan Penyiaran ...	2,150,000

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 56 ... Jabatan Perkhidmatan Kaji- cuaca		\$ 4,834,371
B. 57 ... Jabatan Pengangkutan Jalan ...		2,412,784
B. 60 ... Jabatan Perkhidmatan Pos ...		11,887,600
B. 63 ... Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ...		2,400,000
JUMLAH ...		\$2,735,371,562

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1982 dan 1983 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Anggaran Belanja Mengurus Persekutuan 1982 dan 1983, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1982, Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1981 dan 1982) 1983 dan Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga 1982 yang telah diluluskan oleh Akta Perbekalan Tambahan (1982) 1983 dan untuk mengadakan peruntukan bagi mengganti pendahuluan-pendahuluan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Luar Jangka sebagaimana dikehendaki oleh Perkara 103 Perlembagaan.

[PN. (U²) 1276.]